| | |
|---|---|
| ISU | Impressed… |
| Akhbar | The Sun |
| Tarikh | 8 April 2019 (Isnin) |
| Ruang | News Without Borders |
| Muka Surat | 3 |



**IMPRESSED ...** Finance Minister Lim Guan Eng viewing a satay grilling machine after officiating at an event with Japanese ambassador Dr Makio Miyagawa (second from right) at the Japan Technical Institute of Malaysia in Bukit Mertajam. At right is Human Resources Minister M. Kula Segaran. – ***BERNAMAPIX***

| ISU | Tangani pertindihan dalam TVET |
|---|---|
| Akhbar | Kosmo |
| Tarikh | 8 April 2019 (Isnin) |
| Ruang | Negara |
| Muka Surat | 4 |

Enam kementerian laksana bidang itu ikut sistem pendidikan yang berbeza

# Tangani pertindihan dalam TVET

**IPOH** – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail mahu pertindihan melibatkan Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional Malaysia (TVET) seperti sistem pendidikan berbeza mengikut kementerian perlu diatasi bagi memastikan ia dapat diperkasa.

Beliau berkata, berdasarkan struktur sedia ada, terdapat enam kementerian melaksanakan TVET mengikut sistem pendidikan masing-masing iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia serta Kementerian Belia dan Sukan.

Turut melaksanakan TVET ialah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.



WAN AZIZAH (duduk di tengah) bergambar bersama sebahagian pelajar selepas merasmikan sambutan Jubli Emas Politeknik Malaysia di Politeknik Ungku Omar, Ipoh semalam.

"Pertindihan yang merangkumi sistem pendidikan, pensijilan, kekangan dana pembangunan serta ketidaktentuan nasib graduan TVET adalah antara cabaran yang perlu dihadapi dan diselesaikan," katanya.

Wan Azizah menyatakan demikian ketika berucap merasmikan sambutan Jubli Emas 50 Tahun Politeknik Malaysia di Politeknik Ungku Omar (PUO) di sini semalam.

Pemilihan PUO sebagai tuan rumah sambutan itu dibuat kerana ia merupakan politeknik pertama di negara ini yang ditubuhkan pada tahun 1969.

Menjelas lanjut, Wan Azizah berkata, Jawatankuasa Pemerkasaan TVET yang diumumkan penubuhannya oleh Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik pada November tahun lalu diharap dapat memberi impak positif dalam menangani isu pertindihan tersebut.

"Jawatankuasa ini diharapkan dapat melaksanakan penyelarasan dan rasionalisasi merangkumi governan, penjenamaan, kualiti, industri dan pembiayaan," katanya.

Selain itu, Wan Azizah berkata, bagi memperkasakan program TVET, peranan industri perlu dipertingkatkan kerana fasiliti dan perkhidmatan pendidikan yang mantap tidak akan memberi makna tanpa penglibatan pihak berkenaan.

Katanya, adalah menjadi harapan kerajaan agar pihak industri dapat terlibat dengan lebih aktif supaya teknologi terkini boleh dikongsi bersama terutama dengan politeknik Malaysia.

"Pihak indusri perlu sentiasa berkomunikasi dengan institusi TVET berkenaan keperluan tenaga kerja agar tidak berlaku percanggahan ataupun *mismatch* di antara keperluan industri dan graduan yang dihasilkan.

"Saya menyarankan politeknik terus memperkasakan aktiviti kolaborasi bersama pihak industri melalui konsep kilang pengajar dengan menambah penglibatan industri ke dalam politeknik di dalam pelbagai bidang," katanya sambil menambah konsep itu akan melibatkan perantisan, pembelajaran berasaskan kerja serta belajar dan mendapatkan pendapatan. – Bernama

| | |
|---|---|
| ISU | Elak percanggahan keperluan antara industri dan graduan TVET |
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tarikh | 8 April 2019 (Isnin) |
| Ruang | Dalam Negeri |
| Muka Surat | 4 |

# Elak percanggahan keperluan antara industri dan graduan TVET



**WAN AZIZAH WAN ISMAIL** melihat masakan disediakan pelajar ketika melawat gerai pameran selepas merasmikan Sambutan Jubli Emas Politeknik Malaysia di Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak semalam. - UTUSAN/KAMAL BASIR WAHAB

**IPOH 7 April** - Pihak industri perlu sentiasa berkomunikasi dengan institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) berkenaan tenaga kerja yang diperlukan bagi mengelakkan berlaku percanggahan di antara keperluan industri dan graduan yang dihasilkan dalam program TVET.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, menjadi harapan kerajaan agar pihak industri dapat terlibat dengan lebih aktif supaya teknologi terkini dapat dikongsi bersama terutama di Politeknik.

"Pihak industri perlu sentiasa berkomunikasi dengan institusi TVET mengenai keperluan tenaga kerja yang diperlukan oleh mereka.

"Ini bertujuan mengelak berlaku percanggahan di antara keperluan industri dan graduan yang dihasilkan dalam program TVET," katanya ketika berucap dalam majlis Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Politeknik di Politeknik Ungku Omar di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching.

Dalam perkembangan sama, Timbalan Perdana Menteri berkata, pertindihan yang merangkumi sistem pendidikan, pensijilan, kekangan dana pembangunan serta ketidaktentuan nasib graduan TVET merupakan antara cabaran yang perlu dihadapi dan diselesaikan.

Menurut beliau, dengan tertubuhnya Jawatankuasa Pemerkasaan TVET, diharapkan impak positif dapat dilihat dalam menangani isu tersebut.

Menurutnya, jawatankuasa itu diharapkan dapat melaksanakan penyelarasan dan rasionalisasi merangkumi urus tadbir, penjenamaan, kualiti, industri dan pembiayaan.

"Bagi memperkasakan program TVET, peranan industri perlu dipertingkatkan bagi memastikan inisiatif dan usaha kerajaan mencapai sasarannya.

"Fasiliti dan perkhidmatan pendidikan TVET yang mantap tidak akan memberi makna tanpa penglibatan industri," katanya.

| | |
|---|---|
| ISU | Pelatih TVET perlu miliki semangat nasionalisme |
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tarikh | 8 April 2019 (Isnin) |
| Ruang | Dalam Negeri |
| Muka Surat | 19 |

# Pelatih TVET perlu miliki semangat nasionalisme

**KUALA LUMPUR 7 April** - Walaupun Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) banyak memberi penekanan kepada komponen praktikal, namun penerapan nilai dan semangat nasionalisme harus menjadi keutamaan.

Aspek itu amat penting bagi mengukuhkan jati diri para pelatih supaya tidak mudah terpengaruh dengan budaya asing dan tingkah laku yang negatif, terutamanya apabila berpeluang mencari rezeki di luar negara.



MOHAMMAD RIZAN

Setiausaha Agung Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran, Mohammad Rizan Hassan berkata, perbezaan paling ketara dapat dilihat menerusi sikap antara pekerja asing dari negara maju dan mundur.

"Pekerja-pekerja mahir dari Jepun dan Australia misalnya, bukan hanya jati diri yang tinggi malah disiplin terhadap kerja juga dikagumi.

"Berbeza dengan pekerja-pekerja dari negara dunia ketiga, majoriti majikan sering mengadu mereka malas dan tidak boleh buat kerja lebih masa," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Sementara itu, Muhammad Farul Omar Muhamad Redzuan yang merupakan antara pelatih berjaya menerusi program TVET di bawah Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera memberitahu, bahasa Melayu dan Inggeris perlu dikuasai untuk lulus kursus tersebut.

Pemilik *Black Pearl Dive Team* itu berkata, beliau perlu menduduki latihan teori dan praktikal terlebih dahulu sebelum menjalani peperiksaan bagi mendapatkan lesen antarabangsa pada April 2016.

"Saya mengambil masa tiga bulan sebelum layak untuk menjadi jurulatih selam skuba dan pada peringkat permulaan saya harus menduduki kelas teori.

"Pensyarah akan menggunakan bahasa Inggeris kerana bidang ini banyak perkataan saintifik, tetapi mereka akan menerangkan dalam bahasa Melayu supaya kami lebih faham," katanya yang kini meraih pendapatan RM10,000 sebulan.

| ISU | Perlu sentiasa berkomunikasi |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tarikh | 8 April 2019 (Isnin) |
| Ruang | Nasional |
| Muka Surat | 13 |

# Perlu sentiasa berkomunikasi



Dr Wan Azizah melawat pameran sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Politeknik Malaysia di Politeknik Ungku Omar di Ipoh semalam.

## *Elak percanggahan keperluan industri, institusi TVET*

NORMAWATI ADNAN

IPOH

Para pemain industi digesa sentiasa berkomunikasi dengan institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional Malaysia (TVET) berhubung keperluan tenaga kerja di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, langkah itu bagi mengelak berlakunya percanggahan antara keperluan industri dan graduan yang dihasilkan.

Menurutnya, perkara itu juga selari dengan harapan kerajaan yang mahu melihat pihak industri terlibat lebih aktif supaya teknologi terkini dikongsi bersama politeknik.

"Sebelum ini pun sudah ada kerjasama seperti ini, cuma kita mahu beri penekanan yang lebih.

"Contohnya chef. Saya dimaklumkan ada yang dibawa hingga ke pertandingan di Rusia pada 2020 nanti dan mereka ini memang dicari oleh hotel-hotel," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Politeknik Malaysia di Politeknik Ungku Omar, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching; Exco Pendidikan, Teknologi, Sains dan Alam Sekitar Perak, Dr Abdul Aziz Bari dan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPJKK), Profesor Datuk Dr Mohd Ismail Abd Aziz.

Sementara itu, Dr Wan Azizah berkata, kerajaan pada masa kini berdepan cabaran menyelesaikan isu-isu berkaitan institusi TVET termasuk pertindihan yang merangkumi sistem pendidikan, pensijilan, kekangan dana serta ketidaktentuan nasib graduan.

Berdasarkan struktur sedia ada, terdapat enam kementerian melaksanakan pendidikan TVET mengikut sistem masing-masing iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

| ISU | Lanjut waktu bekerja bagi industry berkaitan TVET |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tarikh | 8 April 2019 (Isnin) |
| Ruang | Nasional |
| Muka Surat | 13 |

# Lanjut waktu bekerja bagi industri berkaitan TVET

**BUKIT MERTAJAM** - Kerajaan bercadang melanjutkan tempoh bekerja bagi sektor industri berkaitan latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) bermula dari jam 8 pagi sehingga 11 malam.

Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran berkata, ia sebagai usaha memperkasakan kemahiran pekerja dan tahap kebolehpasaran pelajar yang mengambil jurusan berkenaan.

Menurutnya, tempoh bekerja tambahan antara jam 5 petang hingga 11 malam itu akan digunakan bagi melatih pelajar bidang TVET dan membiasakan mereka dengan pelbagai peralatan yang akan digunakan.

"Cadangan ini sudah pun diguna pakai di Jepun dan beberapa negara lain dan telah dilakukan di Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC)," katanya selepas Majlis Penghargaan daripada Menteri Luar Jepun kepada Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI) di sini, semalam.

Hadir sama pada majlis itu ialah Duta Jepun ke Malaysia, Dr Makio Miyagawa dan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

FOTO: BERNAMA



Guan Eng (kiri), Miyagawa (tengah) dan Kulasegaran memerhatikan bagaimana mesin pembakar satay beroperasi di Bukit Mertajam semalam.

| ISU | Tangani pertindihan system Pendidikan TVET |
|---|---|
| Akhbar | Harian Metro |
| Tarikh | 8 April 2019 (Isnin) |
| Ruang | Setempat |
| Muka Surat | 24 |



DR Wan Azizah bersama pelajar dan alumni selepas merasmikan sambutan Jubli Emas Politeknik Malaysia di Dewan Jubli Perak, Politeknik Ungku Omar, Ipoh, semalam.

# Tangani pertindihan sistem pendidikan TVET

**Ipoh:** Penubuhan Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) diharap dapat memberikan impak positif dalam menangani beberapa isu membabitkan pertindihan sistem pendidikan TVET.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, pertindihan merangkumi sistem pendidikan, pensijilan, kekangan dana pembangunan serta ketidaktentuan nasib graduan TVET antara cabaran yang perlu dihadapi dan diselesaikan.

"Kita semua sedia maklum, berdasarkan struktur sedia ada ada enam kementerian melaksanakan TVET mengikut sistem pendidikan masing-masing iaitu Kementerian Pendidikan, Sumber Manusia, Belia dan Sukan, Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

"Dengan tertubuhnya Jawatankuasa Pemerkasaan TVET diharapkan impak positif dapat dilihat dalam menangani isu berkenaan.

"Jawatankuasa ini diharapkan dapat melaksanakan penyelarasan dan rasionalisasi merangkumi governan, penjenamaan, kualiti, industri dan pembiayaan," katanya dalam ucapan ketika merasmikan Sambutan Jubli Emas Politeknik Malaysia di Dewan Jubli, Politeknik Ungku Omar (PUO) di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pendidikan Teo Nie Ching dan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Teknologi, Sains dan Alam Sekitar negeri Dr Abdul Aziz Bari.

| ISU | Tangani segera isu dihadapi graduan TVET |
|---|---|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tarikh | 8 April 2019 (Isnin) |
| Ruang | Dasar & Pentadbiran |
| Muka Surat | 3 |

# Tangani segera isu dihadapi graduan TVET

## Kementerian Pendidikan tubuh jawatankuasa tangani pertindihan




*Dr Wan Azizah dan Nie Ching (tiga dari kiri) pada majlis sambutan Jubli Emas Politeknik Malaysia di Ipoh, semalam.*

**Oleh Shamsul Kamal Amarudin**
shaka@nstp.com.my

**Ipoh**

Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata isu pertindihan sistem pendidikan, pensijilan, kekangan dana pembangunan serta ketidaktentuan nasib graduan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (TVET) adalah cabaran yang perlu dihadapi dan diselesaikan.

Justeru, Timbalan Perdana Menteri berkata, penubuhan Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan TVET di bawah Kementerian Pendidikan pada Jun tahun lalu, diharap dapat memberi impak positif dalam menangani isu berkenaan.

"Kita semua sedia maklum, berdasarkan struktur sedia ada, ada enam kementerian melaksanakan TVET mengikut sistem pendidikan masing-masing, iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

"Justeru, dengan tertubuhnya Jawatankuasa Pemerkasaan TVET, diharapkan impak positif dapat dilihat dalam menangani isu itu, selain dapat melaksanakan penyelarasan dan rasionalisasi merangkumi governan, penjenamaan, kualiti, industri dan pembiayaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan sambutan Jubli Emas Politeknik Malaysia di Kampus Politeknik Ungku Omar (PUO) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching; Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Teknologi, Sains dan Alam Sekitar negeri, Dr Abdul Aziz Bari; Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan, Prof Datuk Dr Mohd Ismail Abd Aziz dan Pengarah PUO, Dr Zairon Mustapha.

Pada Jun tahun lalu, Kementerian Pendidikan menubuhkan Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (TVET) berperanan menyediakan laporan untuk memperkasa dan menaik taraf TVET, malah kerajaan komited membangunkan aliran itu setanding Australia dan Jerman.

Dr Wan Azizah berkata, bagi memperkasa program TVET, peranan industri perlu dipertingkatkan bagi memastikan inisiatif dan usaha kerajaan mencapai sasarannya.

### Industri perlu kongsi teknologi

Beliau berkata, fasiliti dan perkhidmatan pendidikan TVET yang mantap tidak akan memberi makna tanpa pembabitan industri dan menjadi harapan Kerajaan, pihak industri dapat terbabit dengan lebih aktif agar teknologi terkini dikongsi bersama terutama di Politeknik Malaysia.

"Pihak industri perlu sentiasa berkomunikasi dengan institusi TVET mengenai keperluan tenaga kerja yang diperlukan agar tidak berlaku percanggahan ataupun *mismatch* antara keperluan industri dan graduan yang dihasilkan.

"Saya masih ingat ketika mengikuti Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menjadi Menteri Pendidikan sebelum ini, ke sebuah institusi latihan yang menyaksikan pelajarnya belajar memperbaiki televisyen hitam putih, sedangkan ketika itu sudah ada televisyen warna, jadi isu *matching* antara keperluan industri dengan pembelajaran di politeknik, adalah penting," katanya.

Dr Wan Azizah menyarankan politeknik terus memperkasa aktiviti kolaborasi dengan pihak industri melalui konsep *teaching factory* dengan menambah pembabitan industri ke dalam institusi berkenaan dalam pelbagai bidang.

"Konsep ini akan membabitkan *apprenticeship* (perantis industri), *work-based learning* (pembelajaran berasaskan kerja sebenar) dan *learn and earn* (belajar dan mendapat upah).

"Ia juga akan merangkumi 'industry education centre' (pusat pendidikan industri), di mana pihak industri sendiri akan menjalankan sebahagian daripada proses mereka di premis politeknik dan pelajar politeknik dapat belajar dalam suasana industri sebenar di kampus mereka," katanya.

Beliau berkata, terdapat keperluan untuk menganjak amalan industri seperti di kilang kepada persekitaran pembelajaran dan membawa amalan pembelajaran kepada persekitaran kilang.

Justeru, beliau berharap supaya Politeknik Malaysia terus mengorak langkah untuk menjadi institusi TVET yang responsif terhadap keperluan pembangunan negara.

### Bantu pekebun

Dalam perkembangan lain, Dr Wan Azizah berkata, kerajaan komited untuk membantu pekebun di Cameron Highlands yang berdepan dengan arahan pembersihan kebun mereka oleh kerajaan negeri Pahang.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Bersama Pemulihan Cameron Highlands bagaimanapun berkata pelbagai aspek perlu diambil kira dalam usaha untuk memastikan situasi menang-menang.

"Kita akan lakukan apa sahaja demi kepentingan rakyat. Kita ambil kira langkah dan tindakan adalah untuk kepentingan rakyat. Kita hendak tolong pekebun-pekebun ini tapi mesti tahu ini penerokaan (kebun) bagaimana? Adakah ia menjaga alam sekitar, berbahaya yang boleh menyebabkan tanah runtuh ...ini mesti diambil kira," katanya.

| | |
|---|---|
| ISU | Inovasi mesin potong kentang |
| Akhbar | Harian Metro |
| Tarikh | 8 April 2019 (Isnin) |
| Ruang | Setempat |
| Muka Surat | 13 |

# Inovasi mesin potong kentang

**Kuantan:** Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Kemaman, Terengganu mencipta mesin memotong kentang yang dapat memudahkan dan membantu menjimatkan masa usahawan produk makanan ringan itu.

Dalam masa lapan minit mesin yang dibahagikan kepada dua komponen itu mampu memotong sepuluh kilogram (kg) kentang dengan bentuk memanjang dan kiub.

Pensyarah ADTEC Asziman Sukran berkata, beliau bersama tiga rakannya mengambil masa lapan bulan untuk menghasilkan inovasi berkenaan yang menelan kos RM2,500.

Menurutnya, mesin dihasilkan itu membantu usahawan menjimatkan kos tenaga kerja.

"Seorang sahaja digunakan sebagai operator dalam jangka masa antara empat hingga enam jam sehari.

"Mesin ini menggunakan kuasa elektrik pada kadar rendah dan jimat. Alat memotong boleh ditukar mengikut kehendak operator serta boleh digunakan dalam jangka masa panjang.

"Saya berharap mesin yang kami hasilkan ini dapat diterima usahawan perniagaan makanan ringan dan karipap," katanya.

**FAKTA**
Potong 10kg kentang dalam lapan minit

Beliau ditemui selepas menyertai Program Inovasi, Pelancaran Produk dan Keusahawanan (INNOPLEN) 2019 Peringkat Kebangsaan di Dewan Sri Mahkota Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), di sini.

Seramai 450 peserta mewakili 125 pasukan dari 26 institusi pendidikan seluruh negara bersaing dalam program itu.

Pada pertandingan itu, inovasi mesin memotong kentang meraih pingat emas bagi kategori teknikal.

Asziman berkata, kejayaan meraih emas pada INNOPLEN 2019 menambahkan lagi semangatnya untuk menghasilkan lebih banyak inovasi dalam usaha membantu usahawan industri kecil dan sederhana (IKS).

"Selepas ini saya bercadang menghasilkan mesin memotong bawang, ubi kayu, keledek dan buah sukun yang mampu dimiliki usahawan kecil.

"Kejayaan pada INNOPLEN 2019 dapat menaikkan imej ADTEC dalam bidang teknologi inovasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa," katanya yang turut berharap masyarakat dapat menerima produk tempatan.

Sementara itu, Pengarah POLISAS Dr Abd Latif Ahmad berkata, penganjuran itu antara lain bertujuan memartabatkan bidang kajian dan penyelidikan yang dilakukan pelajar dan kakitangan di pusat pengajian tinggi tempatan selain untuk mencungkil bakat baru.



*ASZIMAN menunjukkan cara mesin memotong kentang beroperasi.*

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| | |
|---|---|
| ISU | Kula: TVET should operate after working hours |
| Akhbar | The Star |
| Tarikh | 8 April 2019 (Isnin) |
| Ruang | Nation |
| Muka Surat | 4 |

# Kula: TVET should operate after working hours

**BUKIT MERTAJAM:** Technical and Vocational Education and Training (TVET) institutions should operate after normal working hours, says Human Resources Minister M. Kulasegaran.

He said he would suggest that all TVET institutions be open from 5.30pm to 11pm instead of just the normal working hours of 8am to 5pm.

"The move will pave the way for industry workers, especially trainees who work full time, to further their studies.

"It will allow them to upskill themselves. This is common in other countries, where such institutions open after the usual working hours.

"The Penang Skills Development Centre here is doing that. It opens after normal hours," he said during a press conference yesterday.

Both Kulasegaran and Finance Minister Lim Guan Eng, representing the Japan-Malaysia Technical Institute (JMTI), were on hand to receive the Japanese Foreign Minister's commendation letter from the Ambassador of Japan to Malaysia Dr Makio Miyagawa at the JMTI premises in Bukit Mertajam yesterday.

The implementation of TVET is being undertaken by six ministries – Human Resources, Education, Youth and Sports, Rural and Regional Development, Works and Agriculture and Agro-based Industry.

Earlier, Kulasegaran said JMTI was one of the 32 TVET training institutions under the Manpower Department responsible for providing pre-employment and in-employment training.

He said to date, JMTI had produced 6,844 full-time students at diploma and advance diploma levels, and had trained 32,083 part-time trainees.

"JMTI has also established itself as a reputable regional TVET training provider.

"It has conducted 12 international training programmes involving 112 participants from 15 countries through the Third Country Training Programme and the Malaysian Technical Cooperation Programme," he said.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| | |
|---|---|
| ISU | Syor 3 syif masa kerja perkasa kebolehpasaran pelajar |
| Akhbar | Berita Harian |
| Tarikh | 8 April 2019 (Isnin) |
| Ruang | Dasar & Pentadbiran |
| Muka Surat | 3 |

# Syor 3 syif masa kerja perkasa kebolehpasaran pelajar

**Bukit Mertajam:** Kerajaan bercadang melanjutkan tempoh bekerja bagi industri berkaitan latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) dalam usaha memperkasa tahap kebolehpasaran pelajar jurusan berkenaan.

Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran, berkata ia membabitkan tambahan enam jam waktu bekerja iaitu dari 8 pagi hingga 11 malam, berbanding 8 pagi hingga 5 petang dengan pelaksanaannya akan dibahagikan kepada tiga syif.

Katanya, tempoh bekerja tambahan antara jam 5 petang hingga 11 malam itu bagaimanapun akan diperuntukkan khusus bagi melatih pelajar bidang TVET untuk membiasakan mereka dengan pelbagai peralatan.

"Kita mahu beri galakan kepada semua pemain industri berkaitan TVET untuk buka ruang dengan beroperasi hingga jam 11 malam. Ia akan memberi peluang kepada pekerja mereka memperhebatkan kemahiran masing-masing.

"Ia juga akan beri lebih banyak peluang kepada semua pihak, selain cadangan ini sudah pun diguna pakai di Jepun dan beberapa negara lain, termasuk di Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penghargaan daripada Menteri Luar Jepun kepada Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI), bertemakan 'Menggalakkan Hubungan Ekonomi antara Jepun dan Malaysia' di sini, semalam.

## Usulkan cadangan

Yang turut hadir, Duta Jepun ke Malaysia, Dr Makio Miyagawa; Menteri Kewangan, Lim Guan Eng dan Ketua Pengarah Kementerian Sumber Manusia, Datuk Muhd Khair Razman Mohamed Annuar.

Kulasegaran berkata, pihaknya akan mengusulkan cadangan kepada Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) untuk mempertimbangkan supaya JTMI dijadikan pusat latihan serantau yang mengetengahkan program latihan daripada agensi berkenaan.

"Cadangan ini selari dengan penubuhan JTMI, malah ia tidak membabitkan implikasi kewangan jika JTMI dijadikan pusat latihan serantau JICA dan ia akan diketengahkan dalam lawatan kerja saya ke Jepun, pada Jun depan.

"Selain itu, cadangan ini akan mewujudkan keadaan menang-menang kepada JICA, selain berpeluang menggunakan JTMI sebagai pusat latihan bagi sebarang keperluan dalam bidang ini, pada bila-bila masa," katanya.

Sementara itu, Guan Eng yang juga Ahli Majlis Tindakan Ekonomi (EAC), berkata kerajaan menyasarkan peningkatan pekerja mahir kepada 35 peratus menjelang 2020 berbanding 28 peratus ketika ini.

"Bagi menzahirkan sasaran ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), perlu ada penambahan jumlah pengambilan pelajar TVET daripada 164,000 pada 2013 kepada 225,000 menjelang 2020.

"TVET juga perlu dikekal dan diperkukuhkan bagi memastikan Malaysia mampu mencapai status negara industri," katanya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| | |
|---|---|
| ISU | Patients free to choose paying service |
| Akhbar | The Star |
| Tarikh | 8 April 2019 (Isnin) |
| Ruang | Views |
| Muka Surat | 20 |

# Patients free to choose paying service

REFERRING to the letter "Protect private care patients" (*The Star*, April 4), the Health Ministry (MOH) would like to inform that there are numerous misleading and inaccurate information in it which we would like to clarify.

The MOH's full paying patient (FPP) service is offered by selected government hospitals to patients who can afford to pay. They are given the option and opportunity to be treated by an eligible specialist of their choice and would be charged fully without subsidies from the government for their medical treatment and services. This service is completely voluntary as it is entirely the patient's choice to take it, and it is not to be commercialised as a profit-making scheme.

Apart from providing options for these patients to receive treatment in public hospitals, the FPP service was also set up as part of a retention package for government specialists to earn additional income while continuously serving in public hospitals. This service is able to lower the government's healthcare expenditure by reducing the subsidy on health services to people who can afford to pay fully for their treatment.

In short, the FPP service does not abrogate the government's responsibility towards the general public, especially the poor or B40 group. Actually, a large portion of revenue garnered from this service is channelled towards the government's consolidated fund, which in turn will be used for annual budgeting by the Finance Ministry to continue the heavily subsidised public healthcare service for the general public.

Generally, around 4.6% of Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) is spent on healthcare, where 2.4% is spent on the public sector and around 2.2% on the private sector. From the total healthcare expenditure spent in the public sector, around 99% is subsidised and borne by the government, and patients only have to co-pay 1% or 2% of the cost.

The FPP service has not altered this status despite being offered for the past 11 years in selected MOH hospitals.

Currently, only 10 MOH hospitals have implemented this service – not 32 (including university hospitals) as mentioned by the writer, Datuk S. H. Lee. According to MOH data in 2017, only 0.09% of total patient encounters in MOH facilities were from FPP patients. Therefore, it is very inaccurate to say that majority of patients are channelled into the FPP service.

Despite this small number, the government in 2017 collected RM20mil in revenue from this service. This amount increased to RM22mil in 2018.

A portion of this revenue was channelled as additional income to FPP specialists as part of the retention package and the remaining went into the government's coffers to be used to reduce the overall subsidised healthcare expenditure.

Since the introduction of the FPP service, the overall specialists' resignation rate has reduced from 6.4% in year 2000 to 3.4% in 2017. But please bear in mind that there are numerous other factors contributing to this reduction in rate and not just the introduction of the FPP alone.

Data from Putrajaya Hospital (one of the pioneer hospitals for FPP) has shown that it has a lower rate of specialist attrition (2.2%) compared to the national average for public hospitals. Generally, this increasing number in the specialist pool in the public sector has enabled the MOH to reroute more specialists to smaller hospitals, hence more non-specialist hospitals are converted to specialist hospitals (such as Banting Hospital, Segamat Hospital and Bintulu Hospital).

This initiative complements the cluster programme by MOH, whereby more accessibility to specialists' services can be provided to Malaysians. This growing number of government specialists has a snowball effect on the number of Houseman Training Centres and Master Programme Centres developed by MOH.

There were 47 and 33 centres respectively in 2018. These impacts are crucial for the development and training of professional health human resources in Malaysia.

The government's subsidised healthcare services, which act as a "safety net", will be further enhanced through various measures under the ministry's health system transformation.

Although patients are subjected to some minimal charges (depending on the class of treatment and facilities provided), the charges are very low and affordable as they are still subsidised by the government. The government has also created many mechanisms to enhance the safety net for less well-to-do patients, such as Tabung Bantuan Perubatan, subsidised haemodialysis care and the PeKa B40 Scheme.

Patients referred from private hospitals have an option either to be treated under the FPP scheme and charged under the Fees (Medical) (FPP) Order 2007 or as a normal public patient under the Fees (Medical) (Amendment 2017) Order 1982.

Privately referred outpatients who do not opt for the FPP scheme are charged the first class rate based on clause 12(a) of the Fees (Medical) Order 1982.

However, those who choose to be treated as inpatients in a third class ward will be charged third class fees even if they are privately referred. Generally, fees for the first class ward in MOH are much cheaper compared to private hospitals, as they are still highly subsidised. To make inroads in amending these administrative rules, all registered PeKa B40 patients, including privately referred patients, will be exempted from first class rate fees. This will further enhance the safety net for public patients, especially those from B40 group.

Moving forward, MOH will continue to cut down the administrative hindrances in providing a safety net for public and private patients. It is aiming for a high quality, more cost-effective healthcare system and moving towards integration of the private-public healthcare sectors with better partnership and collaboration of services.

We admit that there is still room for improvement in the implementation of the FPP service, hence the implementation has been done gradually over the past 10 years. The aim is to improve it further without compromising the quality or hindering accessibility to patient care. In the long term, the ministry believes all of these measures would lead towards an integrated, efficient and cost-effective care that is accessible to all.

For details on FPP service, visit *www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2077*

**DATUK DR NOOR HISHAM ABDULLAH**
**Director-general of Health Malaysia**

| | |
|---|---|
| ISU | Don't take fire safety for granted |
| Akhbar | The Star |
| Tarikh | 8 April 2019 (Isnin) |
| Ruang | Views |
| Muka Surat | 21 |

# Don't take fire safety for granted

FIRE and Rescue Department director-general Datuk Muhammad Hamdan Wahid revealed on April 3 that about 140 out of 650 government buildings nationwide have yet to be issued a fire certificate (FC), and 39 of those buildings are located in the country's administrative capital, Putrajaya.

It was reported that the department would adopt a more aggressive approach to ensure that all government-owned buildings have their FC by the end of this year.

It is important for the department to achieve this target since Housing and Local Government Minister Zuraida Kamaruddin has also said that government buildings are required to have a fire certificate beginning this year.

The authorities must also ensure that private premises have the FC as many of them fail to adhere to the regulation.

The Selangor Fire and Rescue Department, for example, has revealed that only about 50% of the 1,701 premises operating in the state have FCs.

Under the Fire Services Act 1988, several types of premises are required to have the FC. These include libraries, hospitals and home treatment centres, hotels, hostels and dormitories, offices, shops, factories, assembly areas and storage and general facilities. It also requires the FC to be renewed every year.

The FC is important because the Fire Department would conduct a thorough inspection of the building's safety system, such as fire alarm equipment, fire extinguishers and emergency routes.

I think it's important to remember several fire incidents locally and abroad which should have served as a lesson for all of us.

After the deadly Grenfell Tower fire in West London on June 14, 2017, I had raised my concern that similar incidents might also occur in our country. I believe that if such fires could happen in a developed country like Britain, which prides itself with having a good fire protection record, it may also occur in developing countries like Malaysia.




Our habitual attitude to react only when an accident or tragedy occurs failed us again when initial investigations revealed that the fire at the Employees Provident Fund building in Petaling Jaya on Feb 13 last year (*pic*) was due to the use of polyfoam or polyethylene, similar to what was used on Grenfell Tower, as a cladding material.

Based on my own observation, our interest and awareness to act and make amends can only be seen in the first few weeks after an issue arises or a tragedy happens.

This attitude is aptly explained in the English idiom: "Shut the stable door after the horse has bolted." If we fail to discard such a negative attitude, accidents, tragedies and disasters that may claim more lives and limbs will continue to happen.

The authorities should ensure that all parties abide by the existing fire safety rules and regulations, including the need for the FC.

According to the Fire and Rescue Department, on average, about 6,000 premises nationwide were destroyed by fire and about 40% of them were private homes. The remaining were other types of buildings such as offices, factories, schools and shophouses.

Under the Fire Services Act 1988, stern action can be taken against building owners for any renovation which does not meet fire safety regulations.

Owners are culpable for any renovation that infringes on fire safety requirements, including the installation of highly flammable cladding panels.

Building owners could face up to a RM5,000 fine and not more than three years' imprisonment if found guilty of fire safety infringement.

I hope the Fire and Rescue Department would conduct inspections nationwide on buildings suspected of not abiding by fire safety regulations, including the failure to obtain or renew the FC and the use of easily flammable cladding.

We should also thank the department for its tireless efforts to help put out fires and reduce the impact of such incidents.

**TAN SRI LEE LAM THYE**
**Chairman**
**National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)**

your opinions

EMAIL editor@thestar.com.my
MAIL The Editor,
Menara Star, 15,
Jalan 16/11, Section 16,
46350 Petaling Jaya.
Letters must carry the sender's full name, address and telephone number. A pseudonym may be included.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| | |
|---|---|
| ISU | Highest award for Niosh chairman |
| Akhbar | The Star |
| Tarikh | 8 April 2019 (Isnin) |
| Ruang | People |
| Muka Surat | 6 |

# Highest award for Niosh chairman

NATIONAL Institute of Occupational Safety and Health (Niosh) chairman Tan Sri Lee Lam Thye was honoured by Malaysian Fire and Rescue Department (JBPM) for his contributions towards the safety and welfare of JBPM personnel.

The highest honour award – Pingat Ketua Pengarah (PKP), was presented to Lee by JBPM director-general Datuk Muhammad Hamdan Wahid in Putrajaya.

Lee, 73, was chosen for the award for his outstanding service to society and JBPM officers with his multiple roles as the Niosh chairman, Water Activity Safety Council (MKAA) member as well as Eco World Foundation chairman.

"One of the matters raised was the need to increase the salaries of JBPM personnel as their duties are as challenging and important as the other safety agencies.

"I also hope the government gives more allocations to JBPM to purchase the most advanced safety appliances and latest personal protective equipment for the officials," he said.

Lee spoke about the necessity of improving the skills of JBPM personnel for their own safety while on duty especially in drowning cases.

He said the foundation donated to the family of late fireman Muhammad Adib Mohd Kassim, who was killed during a riot, and the family of the six firefighters who drowned during a search and rescue mission in Puchong last October.



Muhammad Hamdan (centre) with Lee and other award recipients.